

AKSESIBILITI SURAU DI DALAM PUSAT MEMBELI-BELAH SEBAGAI SEBUAH PUSAT IBADAT ISLAM

(*Accessibility of Surau in Shopping Malls as Islamic Place of Worship*)

Shah Rizal, Syed Ahmad Iskandar Syed Ariffin

ABSTRAK

Surau dilihat tidak setaraf masjid walaupun memiliki fungsi yang sama seperti masjid sebagai pusat ibadat, serta terbahagi kepada dua jenis iaitu surau sebagai sebuah bangunan seperti masjid atau sebagai sebuah bilik dan ruang solat. Surau tidak memiliki tipologi seni bina yang jelas yang menyebabkan kepelbagaian reka bentuk terhasil, serta berada di pelbagai aras dan lokasi terutama bagi surau di dalam bangunan awam seperti pusat membeli-belah. Pusat ibadat Islam haruslah memiliki kadar aksesibiliti sejagat untuk memudahkannya dikunjungi semua golongan terutama golongan kurang upaya, wanita, dan warga emas. Objektif kajian ini adalah untuk menyelidik kadar aksesibiliti surau di dalam pusat membeli-belah sebagai sebuah pusat ibadat Islam. Skop kajian yang dipilih adalah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, yang merupakan ibu negara Malaysia, sebagai sebuah pusat bandar dan pusat tumpuan pelancong di dalam dan di luar negara. 18 buah pusat membeli-belah dengan jumlah 42 buah surau dipilih di dalam kawasan skop kajian bagi tujuan pemerhatian. Dapatan kajian merekodkan pusat membeli-belah di Kuala Lumpur dibina dengan ketinggian 3 sehingga 12 tingkat dengan fasiliti surau pula dibina dipelbagai aras dari aras bawah tanah 3 sehingga aras ruang niaga di aras 8. Hanya 10% surau dibina di aras tanah manakala 57% pula dibina lebih tinggi dari aras tanah dan 33% pula dibina dibawah aras tanah. Seterusnya, surau di pusat membeli-belah tidak sepenuhnya menepati kehendak garis panduan dalam penyediaan fasiliti yang baik serta mudah diakses untuk semua golongan terutama golongan OKU, wanita, dan warga emas. 9 elemen aksesibiliti yang dikaji iaitu kadar aksesibiliti, laluan akses, aras, di tengah bangunan, dekat pusat tumpuan awam, tidak tersorok dan terhalang, mudah dikunjungi, laluan masuk lelaki dan wanita berasingan, dan laluan OKU membuktikan surau di pusat membeli-belah tidak sepenuhnya direka bentuk untuk menerima semua jenis pengunjung.

Kata kunci: surau, pusat membeli-belah, pusat ibadat Islam, masjid, fasiliti

ABSTRACT

Surau function as a prayer space like a mosque and can be categorized into two, *surau* with its own structure and *surau* as room or praying spaces. Unlike mosque, *surau* does not have a clear architectural typology, especially for *surau* in public building like malls. Islamic religious center like mosque or *surau* must have a high accessibility rate to make it easily access by the general public especially people with disability, old citizen, and women. The objective of the reseach is analyse the accessibilty rate of *surau* in shopping malls as Islamic religious center for public. The research scope is Federal Territory of Kuala Lumpur as the capital city of Malaysia beside as point of interest for both local and foreign tourist. 18 nos of malls have been selected with total of 42 *surau* were observed. The result are shopping malls

in the research scope have been built with 3 to 12 stories with the surau at varieties of level from the lowest of basement 3 to the highest floor at level 8. Only 10% of suraus were located on the ground floor, while 57% above ground floor and 33% were located below ground floor. Furthermore, the *surau* were built not fully complied to the guidelines prepared in building a good facility for all type of visitor especially to the disabled people, women, and old citizen. Based on study of the 9 elements of accessibility namely the accessibility, access route, level, center of building, near public area, unhide and obstructed, reachable, separation of man and woman entrance, and disable route it is proven not all surau were built to have universal access.

Keywords: *surau*, mall, shopping center, Islamic religious center, mosque, facility

PENGENALAN

Masjid adalah pusat ibadat Islam yang disebut di dalam al-Quran dan merupakan tempat khusus untuk menunaikan solat lima waktu secara berjemaah (Zulkifli, 2016 dan Irwan et al., 2014). Dari segi pentadbiran pula masjid adalah apa-apa bangunan yang digunakan untuk solat Jumaat dan solat-solat lain serta apa sahaja aktiviti yang diluluskan (Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam, 1993). Manakala musala dari segi bahasa adalah tempat solat dan berdoa, dan dari segi istilah merupakan sebuah kawasan lapang tempat berkumpul umat Islam untuk menjalankan solat sunat tertentu (Zulkifli, 2016 dan Irwan et al., 2014). Rasulullah menunaikan solat sunat istiqah' dan solat sunat hari raya di padang atau kawasan terbuka, dan ini selari dengan definisi musala oleh Syeikh Taha (1988) iaitu musala sebagai tempat bagi solat tertentu seperti solat hari raya, solat jenazah, solat istiqah' dan solat syukur (Irwan et al., 2014). Berdasarkan pendapat di atas masjid adalah tempat khusus untuk menunaikan solat lima waktu, manakala musala pula adalah kawasan terbuka seperti padang untuk menerima jemaah yang lebih ramai bagi tujuan solat sunat tertentu dan pada waktu tertentu.

Namun di Malaysia khususnya dan di Nusantara umumnya, terdapat satu lagi tipologi ruang solat iaitu surau. Surau dibina pada skala yang lebih kecil dari masjid (Surau, 2018). Surau merupakan pusat ibadat yang lebih dikenali di Malaysia berbanding musala (Irwan et al., 2014) dan perkataan surau tidak wujud di dalam bahasa Arab (Zulkifli, 2016) menguatkan hujah bahawa surau adalah warisan seni bina Nusantara. Surau boleh dikategorikan kepada 1) surau yang dibina di atas tanah wakaf untuk tujuan masjid serta menjalankan solat lima waktu, dan 2) surau yang dibina di atas apa-apa tanah atau ruang, serta tidak menjalankan solat lima waktu (Shahir, 2015). Zulkifli (2016) pula berpendapat surau boleh dikategorikan kepada tiga iaitu 1) sebuah bilik solat didalam bangunan awam bukan masjid, 2) surau yang dibina sebagai masjid tetapi tidak menjalankan solat jumaat, dan 3) surau diri jumaat iaitu surau yang dibenarkan untuk menjalankan solat Jumaat.

Pembinaan surau tidak semestinya memerlukan tanah yang telah diwakafkan atau digazetkan (Shahir, 2015) dan kebiasaannya dibina oleh masyarakat setempat di dalam satu petempatan kecil atau kampung, sebaliknya masjid dibina besar dan secara rasmi oleh pihak majlis agama Islam. Namun terdapat beberapa ibadah yang tidak boleh dijalankan di surau iaitu solat Jumaat, solat sunat tahiyatul masjid dan iktikaf kerana surau dilihat tidak setaraf masjid. Zulkifli (2016) menyatakan surau yang dibenarkan untuk menjalankan ibadah-ibadah tersebut dikenali sebagai surau Jumaat, iaitu surau yang telah mendapat kebenaran dari pihak majlis agama Islam. Di Kuala Lumpur surau yang ingin menjalankan solat Jumaat haruslah mendapat kebenaran dari Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan mengikut Akta

Perundangan Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, dan menyebabkan surau terpecah kepada dua kategori iaitu surau Jumaat dan lain-lain surau.

Pemecahan ini diteruskan lagi dengan wujudnya pula surau atau bilik solat di dalam bangunan awam (Jabatan Perancangan Bandar Desa, 1997 dan 2011; Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 2015). Penyediaan surau di dalam bangunan awam adalah selaras dengan peruntukan Perkara 3(1) (Perlembagaan Persekutuan) yang mengiktiraf agama Islam sebagai agama asmi di Malaysia, tetapi pembentukan surau di dalam bangunan awam tidak diberi perhatian secara khusus dan hanya keluasan minimum yang dijadikan sebagai syarat penyediaan (Jabatan Perancangan Bandar Desa, 2011 dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 2015). Bangunan awam terutama pusat membeli-belah yang menerima kunjungan orang awam yang tinggi menyebabkan surau sentiasa digunakan pada setiap hari, namun Nik dan Roskhoirah (2016) menyatakan keluasan serta seni bina surau di dalam pusat membeli-belah tidak direka bentuk dengan baik menyebabkan ianya gagal dipelihara dengan sempurna.

SOROTAN KAJIAN

Surau Pusat Membeli-belah

Pusat membeli-belah kini tidak lagi dibangunkan semata-mata untuk tujuan komersil atau perniagaan, sebaliknya pusat membeli-belah telah menjadi satu destinasi lengkap bagi tujuan membeli-belah, rekreasi, riadah, dan lain-lain aktiviti apabila terdapatnya cawangan bank, pusat zakat, dan pejabat pos. Pembinaan pusat membeli-belah tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa tempatan dan di Kuala Lumpur, pihak yang bertanggungjawab dalam urusan perancangan dan kelulusan pelan pembinaan adalah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Garis panduan menyatakan setiap pembinaan pusat membeli-belah di Kuala Lumpur haruslah bersama dengan fasiliti surau (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 2015) bagi tujuan memudahkan pengunjung untuk melaksanakan solat lima waktu tanpa perlu meninggalkan pusat membeli-belah tersebut.

Perletakan surau di dalam bangunan awam seperti pusat membeli-belah memudahkan majoriti umat Islam di negara ini menunaikan solat pada waktunya dan dilihat sebagai sebuah ruang khusus untuk beribadat. Pembentukan surau di dalam pusat membeli-belah adalah bukan suatu yang luar biasa, apabila Tajuddin (1998) menyatakan tempat ibadat Islam iaitu masjid boleh dikategorikan kepada dua melalui pandangan sejarah iaitu dari segi rupa fizikal (estetik, struktur, binaan, dan keunikan) dan kerohanian iaitu ruang ibadah sebagai tempat pengasingan diri dari keduniaan. Ini juga disokong oleh Rosniza (2011) yang menyatakan seni bina masjid tidak terhad kepada rupa fizikal luaran sahaja sebaliknya reka bentuk dalaman pusat ibadat Islam tersebut juga dilihat amat penting dalam pembentukan sebuah ruang kerohanian.

Reka bentuk dan seni bina masjid dibincangkan secara meluas dan terdapat garis panduan untuk merancang dan membinanya, berbanding dengan surau, terutama surau di dalam bangunan awam seperti pusat membeli-belah. Ini mengakibatkan surau di dalam bangunan bagaikan tersisih dan hanya dilihat sebagai fasiliti ruang solat sementara walaupun ianya kerap digunakan pada setiap hari terutama oleh pekerja dan pengunjung pusat membeli-belah. Ini ditambah lagi dengan lokasi surau di dalam bangunan yang diletakkan bersama dengan fasiliti tandas hanya memberi persepsi yang kurang baik kepada pusat ibadat Islam tersebut.

Tipologi seni bina surau di dalam bangunan masih lagi kurang dibincangkan dan diselidiki dengan meluas walaupun ianya merupakan satu kewajipan untuk pihak pemilik pusat membeli-belah menyediakan surau sebagai sebuah fasiliti umat Islam. Walaupun

memiliki fungsi yang sama seperti masjid sebagai pusat ibadat, surau dilihat tidak setaraf masjid, dan pembentukan surau kepada dua jenis iaitu surau yang memiliki strukturnya tersendiri dan surau sebagai bilik atau ruang solat hanya menambah kepada kekeliruan definisi surau. Pembentukan surau sebagai bilik atau ruang solat tidak memiliki tipologi yang jelas yang menyebabkan kepelbagaian reka bentuk terhasil, serta berada di pelbagai aras di dalam pusat membeli-belah. Seterusnya garis panduan minimum yang disediakan oleh pihak berkuasa tempatan menyebabkan surau di dalam pusat membeli-belah memiliki seni bina yang pelbagai. Jabatan Perancang Bandar dan Desa (1997, 2011), Jabatan Perancang Bandar dan Desa Selangor (2017) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (2015) telah menyediakan garis panduan khusus untuk pusat ibadat Islam yang merangkumi masjid dan surau. Kesemua garis panduan tersebut juga telah menggariskan peranan dan prinsip reka bentuk bagi pusat ibadat Islam.

Penduduk Islam di Kuala Lumpur adalah majoriti dengan kadar penduduk beragama Islam setinggi 46.4% dan berjumlah 777,958 orang pada tahun 2010, serta 77.9% penduduk Kuala Lumpur pula berumur dari 15 hingga 75 tahun (Portal Data Terbuka Malaysia, 2017). Kuala Lumpur mengalami kadar urbanisasi sebanyak 100% pada tahun 2010 berbanding dengan Malaysia iaitu 71% (Department of Statistics Malaysia, 2011). Nisbah jantina iaitu jumlah jantina lelaki untuk setiap 100 wanita di Kuala Lumpur pula melihatkan lelaki melebihi wanita pada kadar 104 lelaki setiap 100 wanita (Department of Statistics Malaysia, 2011).

Ini memberikan gambaran tentang keperluan surau sebagai fasiliti pusat ibadat Islam di dalam pusat membeli-belah di Kuala Lumpur adalah penting selari dengan nisbah penduduk Islam yang tinggi terutama buat lelaki dewasa. Keperluan ini juga dilihat lebih penting apabila Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 melaporkan pembinaan masjid di pusat bandar Kuala Lumpur tidak diagihkan secara seimbang (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 2008). Kesemua masjid di pusat bandar Kuala Lumpur diletakkan di bawah pentadbiran Zon 3 yang kesemuanya berada di perimeter pusat bandar (Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2018). Pembinaan surau di pusat membeli-belah sebenarnya menyokong fungsi masjid apabila orang awam tidak lagi perlu keluar dari pusat komersil untuk menunaikan solat lima waktu, dan seharusnya surau tersebut memiliki kadar aksesibiliti yang tinggi untuk memudahkan masyarakat Islam di sekitar untuk menggunakannya.

Aksesibiliti

Alam bina merangkumi persekitaran luaran dan dalaman dan termasuk semua elemen, komponen, dan kelengkapan yang direka bentuk dengan tujuan untuk digunakan oleh orang ramai. Prinsip reka bentuk yang harus ditekankan bagi memenuhi kehendak aksesibiliti sejagat haruslah memiliki laluan tanpa halangan, jarak antara fasiliti yang disediakan haruslah dekat, kecondongan dan kenaikan aras lantai, ketersediaan tempat duduk, dan kemas lantai yang tidak membahayakan (Department of Standards Malaysia, 2014).

Dalam mencapai ekuiti sosial, penyediaan sebuah bangunan dengan aksesibiliti sejagat merupakan kehendak asas terutama kepada golongan orang kurang upaya (OKU) yang merupakan 1.16% dari jumlah populasi masyarakat Malaysia iaitu sekitar 313,685 orang yang berdaftar secara sukarela dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat pada Ogos 2010 (Hazreena dan Naziaty, 2012). Aksesibiliti di alam bina merupakan satu isu yang signifikan yang sering dibincangkan oleh penyelidik seni bina (Syazwani dan Mariam, 2011). Malaysia telah menunjukkan kemajuan di dalam isu ini namun masih lagi memerlukan penambahbaikan dalam proses implementasi (Syazwani dan Mariam, 2011). Hazreena dan Naziaty (2012) berpendapat tindakan dan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa tempatan masih lagi kurang

menyebabkan masih lagi terdapat bangunan awam yang tidak memiliki aksesibiliti sejagat, terutama akses kepada fasiliti bangunan.

Ini menunjukkan penyediaan fasiliti dengan kadar aksesibiliti yang tinggi merupakan satu keperluan yang tidak lagi boleh dipandang ringan. Ch'ng (2010) menyatakan pihak berkuasa tempatan harus memainkan peranan penting dengan penyediaan pelan tindakan dan mekaniks dalam memastikan aksesibiliti sejagat disediakan oleh semua pemilik bangunan pada masa hadapan (Hazreena dan Naziaty, 2012). Syazwani, Mariam dan Asiah (2011) juga mendapati masyarakat awam di Malaysia masih lagi memiliki kadar kesedaran yang rendah terhadap kadar aksesibiliti sesebuah bangunan. Syazwani et. al., (2011) menyatakan antara permasalahan yang menyebabkan kadar aksesibiliti yang rendah pada alam bina adalah hak dan kapabiliti OKU yang tidak diindahkan oleh orang awam. Masyarakat memainkan peranan penting dalam memberi sokongan kepada golongan OKU di dalam alam bina dengan pemilik atau pengurus bangunan dapat memberi impak yang lebih memastikan kadar aksesibiliti yang tinggi (Syazwani et. al., 2011).

Selain itu Syazwani et. al. (2011) menyatakan definisi aksesibiliti bukan sahaja bermaksud golongan OKU dapat memasuki dan menggunakan sesebuah ruang tanpa halangan, tetapi merangkumi juga reka bentuk produk, teknologi maklumat, reka bentuk laman web dan pengangkutan. Bagi menjadikan surau di pusat membeli-belah sebagai sebuah fasiliti yang berfungsi sepenuhnya, aksesibiliti merupakan elemen penting yang harus dititik beratkan. Pusat ibadat Islam seperti masjid dan surau haruslah memiliki 6 prinsip iaitu sebagai syiar dan mercu tanda pembangunan, sebagai fokus untuk membangunkan insan, sentiasa berfungsi dan hidup, sentiasa berharmoni dan selamat, sentiasa indah dan berseni, dan penjimatan dan penggunaan sumber yang cekap (Jabatan Perancang Bandar dan Desa, 2011) yang kemudiannya menjadi asas kepada garis panduan dalam reka bentuk sesebuah pusat ibadat Islam.

Sesebuah pusat ibadat Islam haruslah memiliki akses yang mudah supaya ianya dapat dikunjungi masyarakat setempat, mesra untuk semua golongan terutama golongan kurang upaya (OKU), terdapatnya ruang bacaan bagi wacana ilmu dan dakwah, dan menggunakan kelengkapan yang cekap dalam menjimatkan tenaga dan memiliki reka bentuk yang dapat menjimatkan penggunaan sumber merupakan antara garis panduan di dalam mereka bentuk sebuah masjid atau surau (Jabatan Perancang Bandar dan Desa, 2011). Ciri-ciri tersebut akan membentuk sebuah fasiliti yang dapat memberi impak positif kepada kemanusiaan khususnya dan persekitaran umumnya.

Fasiliti seperti surau di dalam bangunan komersil haruslah dibina dan diletakkan di aras tanah, di tengah kawasan tumpuan awam, berdekatan kawasan terbuka, dan berhubungkait dengan fungsi utama bangunan serta tidak terletak di kawasan gelap atau terpencil seperti di parkir besmen (Jabatan Perancang Bandar dan Desa, 2011 dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 2015). Ini untuk mengelakkan surau dibina jauh dari orang ramai dan terlindung serta sukar diakses terutama oleh golongan kurang upaya. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (2015) juga menyarankan agar surau dibina sensitif terhadap kehendak bangsa, budaya dan agama supaya surau itu berfungsi sepenuhnya berdasarkan prinsip-prinsip sebuah pusat ibadat Islam dan tidak hanya sebagai sebuah bilik untuk bersolat.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (2015) menegaskan fasiliti komuniti tidak seharusnya berada di aras bawah tanah dan di ruang parkir kereta. Fasiliti seperti surau di dalam pusat membeli-belah hendaklah berada di tengah serta dekat dengan pusat tumpuan awam, tidak terlindung serta berada di kawasan terbuka. Kawasan di aras bawah tanah dan di kawasan parkir kereta hendaklah dielakkan supaya surau tersebut mudah diakses secara terus oleh setiap golongan terutama golongan OKU, warga emas, dan kanak-kanak. Lokasi surau jauh dari aras tanah akan menyebabkan fasiliti tersebut terlindung dari pandangan awam serta

dapat mengancam keselamatan pengguna. JBPDS (2017) juga menyatakan fasiliti surau di pusat membeli-belah seharusnya tidak berada di atas bumbung, aras bawah tempat letak kereta, tempat pemunggahan barang, berhadapan dengan tandas dan berada di bawah laluan paip najis.

Alaa dan Asiah (2015) pula melaporkan pusat membeli-belah dibawah kajian mereka tidak memiliki 100% kadar aksesibiliti dan hanya pada kadar 71% hingga 78%. Manakala bagi ruang surau pula dua buah surau di dalam pusat membeli-belah yang dikaji memiliki kadar aksesibiliti yang baik iaitu 75% manakala sebuah surau lagi hanya memiliki 25% kadar aksesibiliti. Walaubagaimanapun Alaa dan Asiah (2015) merumuskan ketiga-tiga pusat membeli-belah memiliki kadar aksesibiliti yang memuaskan dan dengan beberapa penambahbaikan mampu menaikkan kadar aksesibiliti kepada kadar yang lebih baik. Ini semua memerlukan pemilik bangunan untuk menjadi lebih sensitif dalam reka bentuk dan memastikan setiap ruang dan fasiliti memiliki kadar aksesibiliti yang tinggi (Alaa dan Asiah, 2015). Seterusnya Syazwani dan Mariam (2011) pula melaporkan lima buah bangunan awam dibawah kajian mereka menunjukkan kadar aksesibiliti yang baik dengan skor sekitar 51 hingga 61 (kadar penuh pada 75) dengan hanya dua buah surau yang memiliki skor aksesibiliti yang baik manakala 3 buah lagi hanya memuaskan. Isu terbesar yang dijumpai pada surau adalah aksesibiliti di ruang wuduk dengan terdapat perbezaan aras menyebabkan mereka yang berkerusi roda sukar untuk mendekati paip wuduk. Syazwani dan Mariam (2011) bersetuju kadar aksesibiliti pada setiap bangunan boleh ditambahbaik tanpa perlu melalui rombakan reka bentuk yang besar.

Lokasi fasiliti surau seharusnya mengambil kira sensitiviti bangsa, budaya dan agama masyarakat setempat (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 2015), terutama fasiliti seperti surau yang merupakan tempat ibadah harian bagi pekerja dan pengunjung pusat membeli-belah. Reka bentuk surau yang tidak sensitif kepada budaya dan agama hanya akan meninggalkan persepsi negatif terutama kepada pelancong Islam luar yang datang ke pusat membeli-belah tersebut. Malaysia mengiktiraf agama Islam sebagai agama rasmi dan seharusnya perkara tersebut dapat digambarkan secara terus dari reka bentuk surau pusat membeli-belah.

Department of Standards Malaysia (2014) di dalam MS 1184:2014 pula mencadangkan setiap ruang yang dikhususkan untuk digunakan oleh pekerja dan pengunjung pusat membeli-belah haruslah memiliki aksesibiliti tanpa halangan oleh setiap golongan tanpa mengira keupayaan, umur, atau jantina termasuk mereka yang kurang upaya, golongan tua, dan kanak-kanak, sama ada untuk menghampiri, berada di dalam ruang, menggunakannya dan keluar dari ruang tersebut, terutama ruang fasiliti awam di dalam bangunan. Aksesibiliti haruslah tidak terhalang dan boleh dilalui terutama oleh mereka yang berkerusi roda atau dengan pergerakan terhad serta dengan jaminan kesihatan dan keselamatan pengguna semasa mengakses ruang tersebut. Dalam hal tersebut Department of Standards Malaysia (2014) memberi definisi orang kelainan upaya (OKU) adalah mereka yang memiliki kecacatan jangka panjang dari segi fizikal, pendengaran, atau pandangan dan termasuk kecacatan mental, intelektual dan deria yang memberi kesan kepada pergerakan di dalam suatu persekitaran.

Department of Standards Malaysia (2014) juga menggariskan keperluan reka bentuk haruslah memenuhi abiliti manusia dan apabila dilaksanakan sepenuhnya akan memberi manfaat kepada semua golongan dan peringkat umur terutama kepada golongan OKU, dan mereka yang memiliki kekurangan atau kecacatan yang tidak dapat dilihat serta kanak-kanak. Masjid dan surau sebagai sebuah pusat ibadah Islam haruslah juga membawa peranan sebagai sebuah pusat dakwah dan kemsayarakatan (Jabatan Perancang Bandar dan Desa, 2011). Ini memerlukan masjid atau surau direka bentuk dengan baik serta mudah diakses untuk ianya berfungsi sepenuhnya. Perancangan yang tepat akan menentukan lokasi dan kedudukan masjid

dan surau di suatu tempat pusat tumpuan awam, mudah didekati, tidak terhalang dan menjadi mercu tanda di suatu penempatan masyarakat (Jabatan Perancang Bandar dan Desa, 1997) yang selari dengan kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi di Malaysia.


OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk menyelidik aksesibiliti surau di dalam pusat membeli-belah sebagai sebuah fasiliti awam dan pusat ibadat Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Skop kajian adalah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kerana selain sebagai sebuah ibu negara, Kuala Lumpur juga merupakan pusat tumpuan pelancong di dalam dan di luar negara. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memiliki 7 mukim dan 3 bandar seperti pada Gambar 1. 3 mukim terbesar iaitu Mukim Batu, Mukim Setapak, dan Mukim Kuala Lumpur dan 1 bandar iaitu Bandar Kuala Lumpur dipilih kerana mukim-mukim dan bandar tersebut memiliki bilangan pusat membeli-belah yang lebih banyak dan terkenal berbanding mukim dan bandar yang lain.

Gambar 1: Mukim-mukim di Wilayah Persekutuan



Sumber: Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (2011)


Seterusnya 18 buah pusat membeli-belah dipilih di dalam kawasan skop kajian bagi tujuan pemerhatian iaitu 13 buah di Bandar Kuala Lumpur, 2 buah di Mukim Kuala Lumpur, 2 buah di Mukim Setapak, dan sebuah di Mukim Batu (Jadual 1).

Jadual 1: Kajian Kes dan Kawasan yang Terlibat

Bil	Kawasan / Mukim	Pusat membeli-belah	Kod	Jumlah Surau (Lelaki dan Wanita)
1	Bandar Kuala Lumpur	Berjaya Times Square	C	2
2		Fahrenheit 88	E	2
3		Great Eastern Mall	F	2
4		Kenanga Wholesale Center	G	2
5		KLCC	J	2
6		Lot 10	K	2
7		Midvalley Megamall	M	6
8		Pavillion	N	2
9		Plaza Low Yat	P	2
10		Sogo	R	2
11		Starhill / Marriot	S	2
12		Sungei Wang Plaza	T	2
13		Viva Home	U	4
14	Mukim Kuala Lumpur	Bangsar Shopping Center	A	2
15		Bangsar Village 2	B	2
16	Mukim Setapak	KL Festival City	H	2
17		Wangsa Walk	V	2
18	Mukim Batu	Publika	Q	2
		Jumlah		42

Setiap pusat membeli-belah yang dipilih memiliki fasiliti surau dan merupakan antara pusat membeli-belah yang terkenal di Kuala Lumpur dan sering dikunjungi orang ramai terutama pada hujung minggu. Setiap pusat membeli-belah memiliki 2 buah surau iaitu surau lelaki dan surau wanita, kecuali pusat membeli-belah M yang memiliki 6 buah surau iaitu 3 buah surau lelaki dan 3 buah surau wanita dan pusat membeli-belah U yang memiliki 4 buah surau iaitu 2 buah surau lelaki dan 2 buah surau wanita, menjadikan jumlah bilangan surau bagi tujuan penyelidikan ini adalah 42 buah. Data yang akan direkodkan adalah 9 elemen aksesibiliti seperti di dalam Rajah 1.

Rajah 1: Kerangka Konsep Kajian



DAPATAN KAJIAN

Pemerhatian merekodkan pusat membeli-belah di Kuala Lumpur dibina dengan ketinggian 3 sehingga 12 tingkat dengan fasiliti surau dibina dipelbagai aras. Terdapat surau yang dibina di aras bawah tanah 3 dan setinggi di aras 8. Hanya 10% surau dibina di aras tanah manakala 57% pula dibina lebih tinggi dari aras tanah dan 33% pula dibina dibawah aras tanah.

Aksesibiliti

Dapatan kajian merekodkan 57% surau ataupun 24 buah surau di pusat membeli-belah memiliki aksesibiliti seperti yang diperlukan iaitu pusat membeli-belah membenarkan akses untuk masuk dan keluar serta menggunakan surau dengan jaminan kesihatan, keselamatan, dan kebajikan pengguna. Selebihnya iaitu sebanyak 43% pula walaupun membenarkan akses untuk masuk dan keluar dari surau namun jaminan kesihatan, keselamatan dan kebajikan tidak dapat disediakan. Ini disebabkan terdapat surau yang terletak di aras parkir bawah tanah yang semestinya tidak menjamin kesihatan akibat asap dari kenderaan serta tanpa pengudaraan semula jadi yang mencukupi dan lokasi surau juga tidak menjamin keselamatan pengguna yang perlu untuk melintas laluan kenderaan untuk sampai ke surau serta ketiadaan pencahayaan semulajadi.

Perkara ini berlaku kerana kurangnya kesedaran pihak pemilik atau pengurus pusat membeli-belah dalam penyediaan fasiliti yang mudah di akses serta terjamin kesihatan, keselamatan, dan kebajikan pengunjung terutama pengunjung OKU. Selain OKU, golongan warga tua juga memerlukan sebuah fasiliti yang memiliki kadar aksesibiliti yang tinggi, bagi membenarkan mereka untuk masuk dan menggunakan setiap fasiliti yang disediakan. Penyediaan reka bentuk bangunan oleh mereka yang bertanggungjawab juga merupakan penyumbang terbesar kepada tersisihnya penyediaan fasiliti dengan kadar aksesibiliti yang tinggi (Syazwani et. al., 2012).

Laluan akses

Bagi laluan akses ke surau di dalam pusat membeli-belah yang bersambung serta tidak terhalang oleh apa-apa halangan seperti anak tangga, perbezaan aras, atau eskalator serta pengguna boleh secara selamat terus ke surau, hanya 5% ataupun 2 buah surau di dalam pusat membeli-belah yang memiliki laluan akses tersebut. Surau di pusat membeli-belah V terletak di aras tanah serta tidak memiliki perbezaan aras dari pintu masuk utama pusat membeli-belah hingga ke surau. Selebihnya 95% surau terletak di aras atas atau bawah tanah menyebabkan laluan ke surau tidak bersambung serta memiliki halangan seperti tangga, eskalator, lif dan perbezaan aras lantai.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (2015) dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa (2011) telah menyatakan dengan jelas setiap fasiliti surau haruslah memiliki laluan akses yang tidak terhalang. Penyediaan fasiliti yang bukan berada di atas tanah serta tidak bersambung adalah tidak menepati kehendak setiap garis panduan yang disediakan. Ini menunjukkan tiada pemantauan dan tindakan diambil oleh pihak berkuasa kepada pihak yang bertanggungjawab dalam penyediaan fasiliti tersebut (Hikmah et. al., 2014). Tindakan dari pihak berkuasa tempatan dalam menjalankan semakan ke atas penyediaan fasiliti adalah penting dalam memastikan tiada golongan yang terpinggir daripada dapat menggunakan fasiliti tersebut (Hazreena dan Naziaty, 2012).

Aras Tanah

Fasiliti awam seperti surau seharusnya berada di aras tanah untuk menjadikannya sebuah fasiliti yang baik dan berfungsi sepenuhnya (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 2015). Namun dapatan kajian merekodkan hanya 10% ataupun 4 buah surau yang berada di aras tanah, selebihnya 57% (24 buah) surau terletak di aras atas tanah, dan 33% (14 buah) surau pula terletak di aras bawah tanah seperti di dalam Jadual 2.

Jadual 2: Kekerapan Aras Surau di dalam Pusat Membeli-Belah


Aras surau	Pusat membeli-belah	Kekerapan	Peratus	Peratus Kumpulan
8	G,C	3	7%	57%
7	C	1	2%	
5	T,K	3	7%	
4	A	2	5%	
3	H,Q,B,M,E	9	21%	
2	B,U,K	4	10%	
1	F	2	5%	
Tanah	V,U	4	10%	10%
-1	M,J,R	8	19%	33%
-2	P,N	4	10%	
-3	S	2	5%	
Jumlah		42	100%	

Aras suatu fasiliti merupakan elemen pertama yang dihuraikan di dalam garis panduan penyediaan fasiliti surau. Namun dapatan kajian di atas membuktikan 90% surau di pusat membeli-belah tidak memiliki aksesibiliti sejagat dan tidak mematuhi kehendak garis panduan dari Jabatan Perancang Bandar dan Desa (2011) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (2015) dalam pembentukan fasiliti surau untuk orang awam. Kadar aksesibiliti turun apabila surau tidak diletakkan di atas tanah dan menyebabkan golongan OKU dan warga tua berasa kecewa akibat daripada tersisih dari menggunakannya (Asiah dan Nur, 2014).

Di tengah bangunan

Fasiliti yang baik harus terletak di tengah pusat membeli-belah supaya ianya dapat diakses oleh pengguna yang berada di setiap penjuru pusat membeli-belah. Namun hanya 5% ataupun 2 buah surau terletak di tengah bangunan iaitu 2 buah surau di pusat membeli-belah M yang diletakkan di tengah-tengah pusat membeli-belah (Rajah 2). Surau ini juga terletak di ruang medan selera dan pengunjung dengan mudah dapat mengakses surau tersebut tanpa perlu bergerak lebih jauh.

Rajah 2: Lakaran lokasi Surau di Pusat Membeli-Belah M



Sumber: Penulis (2018)


Selebihnya iaitu 95% surau lagi diletakkan di tepi ataupun ruang perimeter pusat membeli-belah serta di ruang yang tidak digunakan. Ini menjadikan surau sukar diakses jika pengguna

berada di penjuru paling jauh di dalam pusat membeli-belah. Ini memberikan persepsi kepada golongan OKU dan warga tua bahawa fasiliti di dalam pusat membeli-belah tidak direka bentuk untuk memenuhi keperluan mereka (Hikmah et. al., 2014). Walaubagaimanapun penambahbaikan dari semasa ke semasa adalah penting untuk memastikan fasiliti seperti surau disediakan mengikut keperluan setiap golongan masyarakat.

Dekat pusat tumpuan awam


Fasiliti seperti surau hendaklah dibina dekat dengan pusat tumpuan awam supaya kadar aksesibiliti surau dapat dinaikkan. Pusat tumpuan awam di dalam pusat membeli-belah merupakan kawasan yang memiliki ruang niaga ataupun perkhidmatan yang kerap dikunjungi pengunjung seperti medan selera, bank, ataupun pejabat pos. Dapatan kajian merekodkan hanya 14% ataupun 6 buah surau iaitu 4 buah di pusat membeli-belah M (Rajah 3) dan 2 buah surau di pusat membeli-belah J (Rajah 4) yang terletak berdekatan dengan pusat tumpuan awam seperti yang dinyatakan, dan memudahkan surau untuk diakses terutama bagi sebuah pusat membeli-belah yang memiliki keluasan yang besar. Surau di pusat membeli-belah M pula terletak berhampiran dengan medan selera dan pasaraya utama memudahkan surau untuk dikunjungi. Manakala surau di pusat membeli-belah J yang terletak berhampiran dengan pejabat pos, perkhidmatan bank, penyewa utama ruang niaga dan bersambung dengan aras atrium utama dan koridor ke semua bangunan di sekitar pusat membeli-belah.

Rajah 3: Lakaran Lokasi Surau di Pusat Membeli-Belah M



Sumber: Penulis (2018)

Rajah 4: Lakaran Lokasi Surau di Pusat Membeli-Belah J



Sumber: Penulis (2018)


Perletakan fasiliti surau di kawasan tumpuan orang ramai adalah penting dalam memastikan masyarakat sekeliling dapat memberikan sokongan kepada golongan OKU atau warga tua ketika mereka menghampiri untuk menggunakan surau tersebut. Sokongan dari masyarakat

sekeliling penting untuk memastikan golongan tersebut tidak rasa tersisih dan penyediaan setiap fasiliti terutama surau menepati keperluan mereka. Ini juga akan meningkatkan kadar kesedaran pihak awam serta pemilik dan pengurusan pusat membeli-belah (Syazwani, Mariam dan Asiah, 2011).

Tidak tersorok dan terhalang

Fasiliti mudah diakses apabila berada di lokasi yang tidak tersorok dan terhalang dari pusat tumpuan awam ataupun koridor utama di dalam pusat membeli-belah. Hanya 5% ataupun 2 buah surau iaitu surau di pusat membeli-belah V yang terletak di lokasi tidak tersorok serta terhalang dari pandangan awam serta berada di koridor utama pusat membeli-belah (Rajah 5).

Rajah 5: Lakaran Lokasi Surau di Pusat Membeli-Belah V



Sumber: Penulis (2018)

Selebihnya 95% lagi surau terletak di kawasan yang terhalang dan tersorok terutama surau di kawasan parkir kereta bawah tanah. Antara contoh surau yang tersorok dan terhalang adalah surau di pusat membeli-belah P yang terletak di aras parkir kereta bawah tanah yang telah mengurangkan kadar aksesibiliti serta membahayakan pengguna terutama bagi pengguna OKU, wanita dan warga emas (Gambar 2). Surau tersebut terletak jauh dari lobi utama serta memiliki pencahayaan yang tidak sepenuhnya akibat terhalang dengan dinding dan tiang utama, sama seperti surau di dalam pusat membeli-belah N (Gambar 3). Meskipun disediakan pencahayaan yang mencukupi dan terang, lokasi surau di aras parkir bawah tanah tetap tidak dapat menjamin keselamatan pengguna apabila pengguna terpaksa melintasi laluan kenderaan untuk sampai ke surau (Gambar 4).

Gambar 2: Surau di Pusat Membeli-Belah P yang Tersorok dan Terhalang dari Pandangan Awam



Sumber: Penulis (2018)

Gambar 3: Antara Surau yang Diletakkan di Aras Parkir Bawah Tanah



Sumber: Penulis (2018)

Gambar 4: Antara Surau yang Diletakkan di Aras Parkir Bawah Tanah




Sumber: Penulis (2018)

Perletakan surau di kawasan yang tersorok serta terhalang dari pandangan awam tidak dapat menjamin keselamatan pengguna, terutama golongan wanita, OKU dan warga tua. Fasilitas seperti surau yang sentiasa digunakan memerlukan ianya berada di lokasi yang selamat dan mudah diakses. Dapatan kajian ini membuktikan tiada kesedaran dari pihak pemilik atau pengurusan pusat membeli-belah untuk memastikan keselamatan pengguna surau apabila surau berada di kawasan yang paling tidak sesuai di dalam pusat membeli-belah tersebut. Audit ke atas aksesibiliti fasiliti hendaklah sentiasa dijalankan oleh pihak berkuasa atau pihak tidak berkepentingan dalam memastikan setiap fasiliti surau diletakkan di kawasan yang sesuai dan mudah diakses (Hikmah et. al., 2014).

Mudah Dikunjungi


Fasiliti yang udah dikunjungi adalah sebuah fasiliti yang terletak di aras tanah dan bersambung terus dengan pintu masuk utama pusat membeli-belah. Ini meninggikan kadar aksesibiliti fasiliti surau kepada setiap jenis pengunjung. Dapatan kajian merekodkan hanya 10% ataupun 4 buah surau yang mudah dikunjungi iaitu surau di pusat membeli-belah V (Rajah 6) dan U (Rajah 7) yang meletakkan surau di aras tanah serta bersambung terus dengan koridor utama untuk memudahkan surau dikunjungi.

Rajah 6: Lakaran Lokasi Surau di Pusat Membeli-Belah V



Sumber: Penulis (2018)

Rajah 7: Lakaran Lokasi Surau di Pusat Membeli-Belah U



Sumber: Penulis (2018)

Laluan masuk lelaki dan wanita berasingan


Pengasingan laluan masuk untuk surau lelaki dan wanita adalah selari dengan kehendak syariat Islam. Ini lebih lagi ditekankan bagi pusat ibadat Islam seperti masjid dan surau. Melalui pemerhatian di tapak hanya 24% ataupun 10 buah surau yang memiliki pintu masuk yang berasingan bagi lelaki dan wanita. Pengasingan pada surau tersebut dilakukan melalui perbezaan aras di dalam pusat membeli-belah sama ada surau lelaki di aras atas dan surau wanita di aras bawah atau sebaliknya, atau diasingkan secara jelas pintu masuk melalui koridor utama. Pusat membeli-belah C, K, dan B meletakkan surau lelaki dan wanita pada aras yang berbeza, manakala pusat membeli-belah U mengasingkan pintu masuk surau lelaki dan wanita menggunakan ruang koridor utama yang cukup luas.

Selebihnya 76% memiliki laluan masuk yang berkongsi di dalam satu koridor yang sama sebelum diasingkan melalui pintu masuk berbeza. Terdapat surau yang menyediakan koridor ke surau lelaki dan wanita terlalu kecil dan tidak menepati kehendak syariat yang memerlukan pandangan dan aurat antara lelaki dan wanita terpelihara.

Laluan OKU

Laluan OKU bagi fasiliti harulah bersambung, terlindung dari bahaya serta tidak memiliki perubahan aras dari aras tanah bagi melancarkan pergerakan. Pemerhatian di tapak merekodkan hanya 5% ataupun 2 buah surau yang memiliki laluan OKU yang baik iaitu surau di pusat membeli-belah V yang terletak di aras tanah dan memiliki koridor yang bersambung dengan pintu masuk utama serta tiada perubahan aras yang menyukarkan pergerakan (Rajah 8).

Rajah 8: Lakaran Lokasi Surau Di Pusat Membeli-Belah V



Sumber: Penulis (2018)

Perletakan surau di aras tanah dan tanpa perubahan aras yang ketara akan membentuk laluan OKU dan warga tua dengan lebih baik. Alaa dan Asiah (2015) menegaskan perkara tersebut boleh dicapai jika pemilik pusat membeli-belah tersebut mengambil inisiatif untuk memahami keperluan golongan tersebut serta menyediakan sebuah ruang alam bina yang lebih inklusif. Perhatian yang lebih mendalam oleh semua pihak dapat membentuk sebuah fasiliti yang lebih baik yang tidak meminggirkan mana-mana golongan, dan ini merupakan hala tuju yang harus ditetapkan oleh semua pemegang taruh di dalam industri alam bina (Alaa dan Asiah, 2015).

RUMUSAN

Masjid adalah sebuah pusat ibadat Islam yang disebut di dalam al-Quran dan merupakan tempat khusus untuk solat lima waktu berjemaah. Musala pula adalah kawasan lapang yang dijalankan solat sunat tertentu pada waktu tertentu. Manakala surau pula merupakan sebuah pusat ibadat Islam seperti masjid namun lebih kecil dan tidak terbuka seperti musala. Surau boleh terbentuk secara tetap diatas tanah wakaf dengan memiliki bangunannya sendiri atau sebuah bilik atau ruang yang telah ditetapkan dan dikhususkan di dalam bangunan. Tidak seperti masjid, tipologi surau masih lagi kurang dibincangkan menyebabkan pembinaan surau tidak diberi pemerhatian secara khusus dan dilihat tersisih, terutama surau di dalam bangunan awam seperti pusat membeli-belah. Kajian ini melihat kepada aksesibiliti surau di dalam pusat membeli-belah bagi membentuk tipologi seni bina surau yang lebih baik.

Dapatan kajian merekodkan pusat membeli-belah di Kuala Lumpur dibina dengan ketinggian 3 sehingga 12 tingkat bagi mendapatkan ruang niaga yang optimum dan lebih banyak untuk pengunjung. Fasiliti surau pula dibina dipelbagai aras dan terdapat surau yang

dibina dibawah ruang niaga di aras bawah tanah 3 dan lebih tinggi dari aras ruang niaga di aras 8. Hanya 10% surau dibina di aras tanah manakala 57% pula dibina lebih tinggi dari aras tanah dan 33% pula dibina dibawah aras tanah. Daripada data tersebut, nisbah purata aras ketinggian surau di aras tanah berbanding jumlah ketinggian pusat membeli-belah adalah 31% dengan nisbah terendah adalah 43% jauh ke bawah lebih rendah dari aras tanah, dan kadar tertinggi adalah 100% jauh ke atas dari aras tanah.

Seterusnya, surau di pusat membeli-belah tidak sepenuhnya menepati kehendak garis panduan dalam penyediaan fasiliti yang baik serta mudah diakses untuk semua golongan terutama golongan OKU, wanita, dan warga emas. Jadual 3 menunjukkan betapa rendahnya kadar aksesibiliti surau di pusat membeli-belah apabila tidak semua surau dibina untuk menerima semua jenis golongan pengunjung.

Jadual 3: Elemen Aksesibiliti Surau

No	Elemen	Kekerapan	Peratus
1	Aksesibiliti	24	57%
2	Laluan akses	2	5%
3	Aras tanah	4	10%
4	Di tengah bangunan	2	5%
5	Dekat pusat tumpuan awam	6	14%
6	Tidak tersorok dan terhalang	2	5%
7	Mudah dikunjungi	4	10%
8	Laluan masuk lelaki dan wanita berasingan	10	24%
9	Laluan OKU	2	5%

Surau yang berada lebih tinggi atau lebih rendah dari aras tanah akan mengurangkan kadar aksesibiliti terus pengunjung terutama pengunjung kurang upaya (OKU), warga tua, wanita, dan kanak-kanak. Ini juga tidak menepati kehendak garis panduan dari pihak berkuasa yang mahukan setiap fasiliti surau di bina di aras tanah serta dekat dengan pusat tumpuan awam. Terdapat juga surau yang dibina di lokasi yang tidak sesuai iaitu di aras parkir bawah tanah, di lorong sunyi, dan terletak di kawasan tangga kecemasan. 90% dari surau tersebut juga tidak memiliki aksesibiliti sejagat seperti yang dituntut di dalam garis panduan Jabatan Perancang Bandar dan Desa (2011), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (2015) dan Department of Standards Malaysia (2014).

Walaupun berbentuk seperti sebuah ruang bilik, surau di pusat membeli-belah tetap merupakan sebuah pusat ibadat Islam kerana fungsinya sebagai tempat menunaikan solat fardu lima waktu. Kadar aksesibiliti yang tinggi merupakan asas kepada sebuah fasiliti yang baik, yang tidak akan meminggirkan mana-mana golongan masyarakat. Apabila surau tidak diletakkan di aras tanah serta memiliki pelbagai halangan ianya tidak lagi menepati maksud sebuah pusat ibadat, sebaliknya hanya bagai sebuah bilik fasiliti bersifat sokongan sementara. Surau seharusnya memiliki taraf seperti sebuah masjid supaya ianya dapat membawa bersama syiar Islam di Malaysia yang mengangkat agama Islam sebagai agama rasmi.

RUJUKAN

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) Akta 505. (1993).
Diambil dari
http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/Federal_Updated.nsf/b3

- ac9c218c8efdc4482568310022d8b3/938ea6c8aaef78482571fe0011dedd?OpenDocument.
- Alaa Bashiti dan Asiah Abdul Rahim. (2015). *A Study On The Accessibility In Shopping Malls For People With Disabilities (Pwds) In Malaysia*. Diambil dari [http://www.conscientiabeam.com/pdf-files/eng/63/2nd%20ISCASE-419-IJNSR-2015-3\(1\)-9-20.pdf](http://www.conscientiabeam.com/pdf-files/eng/63/2nd%20ISCASE-419-IJNSR-2015-3(1)-9-20.pdf)
- Asiah Abdul Rahim dan Nur Amirah Abd Samad. (2014). *Universal Design from Islamic Perspective: Malaysian Masjid*. Diambil dari https://www.researchgate.net/publication/327582299_Universal_Design_from_Islamic_Perspective_Malaysian_Masjid
- Department of Standards Malaysia. (2014). *Malaysian Standard. MS 1184:2014. Universal design and accessibility in the built environment - Code of practice (Second revision)*. Cyberjaya: Department of Standards Malaysia
- Department of Statistics Malaysia. (2011). *Population Distribution and Basic Demographic Characteristic Report 2010*. Diambil dari https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemedByCat&cat=117&bul_id=MDMxdHZjWTK1SjFzTzNkRXYzcVZjd09&menu_id=L0pheU43NWJwRWVVSZklWdzQ4TlhUUT09
- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (2008). *Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020*. Diambil dari <http://www.dbkl.gov.my/pskl2020/>
- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (2015). *GPP19 - Keperluan Kemudahan Awam dalam Pembangunan Bukan Kediaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- Hazreena Hussein dan Naziaty Mohd Yaacob. (2012). *Development of Accessible Design in Malaysia*. Diambil dari <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.12.212>
- Hikmah Kamarudin, Nor Ariff, Wan Zuriea Wan Ismail, Aidatul Bakri dan Zarina Ithnin. (2014). *Malaysian Scenario on Access and Facilities for Persons with Disabilities: A Literature Review*. MATEC Web of Conferences. 15. 10.1051/mateconf/20141501019.
- Irwan Mohd Subri, Hasanah Abd Khafidz dan Mohd Hapiz Mahaiyadin (2014). *Iktikaf di Surau: Kajian Terhadap Keputusan Jawatankuasa Perundangan Hukum Syara' Wilayah Persekutuan*. Journal of Fatwa Management and Research, Vol. 3, pp. 7-30.
- Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. (2018). *Direktori Masjid Zon*. Diambil dari <http://www.jawi.gov.my/my/perkhidmatan-masjid-surau/direktori-masjid-zon?bhgnid=Masjid%20Dan%20Surau%20Zon%203&hash=2c5b9c974b3036cb471d27e2cc93d7e6>
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor. (2017). *Manual Garis Panduan & Piawai Perancangan Negeri Selangor (Edisi Ketiga)*. Shah Alam, Selangor: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. (1997). *Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Sejangat*. Kuala Lumpur, Malaysia: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. (2011). *GP008-A Garis Panduan Perancangan Masjid dan Surau*. Putrajaya, Malaysia: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Nynas, P. Spatiality, Practice and Meaning. (2009). In Bergmann, S. (Ed.), *Theology in Built Environments: Exploring Religion, Architecture, and Design* (pp 131-150). 1st Edition. New Jersey: Transaction Publishers
- Portal Data Terbuka Malaysia. (2017). *Data Penduduk Wilayah Persekutuan Mengikut Agama*. Diambil dari http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/data-penduduk-

wilayah-persekutuan-mengikut-agama/resource/e52b1112-43a8-4397-ae9e-2b491a945806

- Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara. (2011). *Kod dan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah (Unique Parcel identifier – UPI)*. Putrajaya: Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar.
- Rosniza Othman (2011) *Mihrab design and ornamentation of selected mosques in Malaysia* (Tesis Doktor Falsafah). Diambil dari <http://studentsrepo.um.edu.my/3345/>
- Shahir Sa'min. (2015). *Solat Sunat Tahiyatul Masjid di Surau*. Diambil dari <http://muis.org.my/2015/02/solat-sunat-tahiyatul-masjid-di-surau/>
- Surau. (2018). Pusat Rujukan Persuratan Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka. Diambil dari <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=surau>
- Syazwani Abdul Kadir dan Mariam Jamaludin. (2011). *Applicability of Malaysian Standards and Universal Design in Public Buildings in Putrajaya*. Diambil dari <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.03.072>
- Syazwani Abdul Kadir, Mariam Jamaludin dan Asiah Abdul Rahim. (2011). *Building Managers' Perception in Regards to Accessibility and Universal Design Implementation in Public Buildings: Putrajaya case studies*. Diambil dari <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.02.071>
- Tajuddin, M. (1998). *The Mosque as a Community Development Centre: Programme and Architectural Design Guidelines for Contemporary Muslim Societies*. Skudai, Johor: Penerbit Teknologi Malaysia
- Zulkifli Bin Mohamad Al-Bakri. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2016). *Irsyad al-fatwa siri ke-103: Hukum menunaikan solat sunat tahiyatul masjid di surau diri Jumaat*. Diambil dari <http://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2539-irsyad-al-fatwa-siri-ke-103-hukum-menunaikan-solat-sunat-tahiyatul-masjid-di-surau-diri-jumaat>

MAKLUMAT PENULIS

SHAH RIZAL

Universiti Teknologi Malaysia
gausfuture@gmail.com

SYED AHMAD ISKANDAR SYED ARIFFIN

Institut Sultan Iskandar (ISI),
Universiti Teknologi Malaysia.
b-sahmad@utm.my